مجليس فربندران تأيفيڠ

# MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Jalan Taming Sari
34000 Taiping
Perak Darul Ridzuan

Tel : 05-808 0777
Fax : 05-805 3000 / 806 8957
Email : mpt@mptaiping.gov.my
Laman Web : www.mptaiping.gov.my

| JABATAN KEJURUTERAAN | NOTIS / IKLAN SEBUTHARGA |
|---|---|

## SEBUT HARGA ( KERJA JALAN )
## SEBUTHARGA NO. :MPT/JK/S/33/21

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan Bahagaian Pembangunan Kontraktor & Usahawan dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) serta mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam **Gred G2, Kategori CE pengkhususan CE 01/CE 42** yang masih dibenarkan membuat sebutharga buat masa ini untuk kerja-kerja berikut :

**CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN ASSAM KUMBANG,AULONG, TAIPING,PERAK.**

Dokumen sebutharga boleh didapati di Meja Urusetia Jualan Sebutharga, Aras Bawah, Kaunter Bayaran, Majlis Perbandaran Taiping bermula pada tarikh......19/05/2021...... bersamaan hari ........RABU........ dengan harga **RM50.00.** Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil yang sah sahaja.

Masa adalah seperti berikut :-

| | |
|---|---|
| **Hari Isnin hingga Khamis** | **Mulai jam 8.15 pagi hingga 12.30 tengahari.** |
| **Hari Jumaat** | **Mulai jam 8.15 pagi hingga 12.00 tengahari.** |

Kaedah bayaran ;-
Pihak kontraktor boleh memilih kaedah bayaran sama ada secara tunai atau Bank-in / Deposit / On-line Transfer ke akaun Majlis Perbandaran Taiping.

Kaedah 1 : Bayaran Secara Tunai

1. Pihak kontraktor dikehendaki hadir ke pejabat Majlis Perbandaran Taiping.
2. Pihak kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal / salinan bagi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor , Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah dan berkuatkuasa. Surat Wakil Sah Syarikat wajib disediakan sekiranya pihak syarikat menghantar wakil bagi tujuan pembelian dokumen sebutharga.
3. Serahkan surat wakil sah syarikat (jika berkaitan), dokumen / sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPK CIDB) , Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (BPKU) kepada Urusetia Jualan Dokumen Sebutharga yang bertugas untuk semakan.
4. Sekiranya syarat – syarat dipatuhi, pihak kontraktor dikehendaki membuat bayaran dan seterusnya Borang Sebutharga akan diserahkan.

Kaedah 2 : Bayaran secara Bank-in / Deposit / On-line Transfer ke akaun Majlis Perbandaran Taiping.

1. Pihak kontraktor iaitu pemilik syarikat yang sah dikehendaki berhubung secara 'Whatsapp' dengan Pegawai Bertugas di talian no +6013-5312874 ( Cik Siti Nur Syahirah) dan +6012-5142160 (Pn Noor Zalina)
2. Pihak kontraktor dikehendaki mengemukakan salinan Kad Pengenalan Pemilik Syarikat, sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPK CIDB) , Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (BPKU) dalam bentuk PDF dan diserahkan kepada Pegawai Bertugas, MPT untuk semakan.
3. Sekiranya syarat – syarat dipatuhi, pihak kontraktor dikehendaki membuat bayaran sama ada secara Bank-in / Deposit / On-line Transfer ke akaun Majlis Perbandaran Taiping ( Akaun Bank Islam : 08040010019340 ).
4. Sekiranya bayaran telah dibuat, sila maklum kepada pegawai bertugas dengan mengemukakan resit bayaran tersebut.
5. Pegawai Bertugas , MPT akan mengemukakan Dokumen Sebutharga dalam bentuk PDF dan pihak kontraktor dikehendaki memuat turun, mencetak, melengkapkan segala keperluan dan syarat – syarat sebutharga. Seterusnya Dokumen Sebutharga yang telah lengkap termasuk dokumen – dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga secara serahan tangan, mengikut tarikh dan masa ditetapkan.

Borang sebutharga yang telah diisi dengan lengkap beserta dokumen – dokumen sokongan yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Aras Bawah, Kaunter Bayaran, Majlis Perbandaran Taiping tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh 27/05/2021 bersamaan hari KHAMIS.

Taklimat dan lawatan tapak adalah tidak diwajibkan.

Pejabat ini tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

..................................................

**(MOHD YUSOFF BIN HJ CAROSHAU)**
Pengarah Kejuruteraan
b.p : Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Taiping

s.k Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Taiping

Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Taiping.

Pen Pengarah Khidmat Pengurusan,
Bahagian Teknologi Maklumat,
Majlis Perbandaran Taiping

Pengarah Kewangan,
Majlis Perbandaran Taiping
(**Bagi tujuan urusan buka sebutharga. Tarikh Tutup Sebutharga pada :** 27/05/2021 )

**TAMBAHAN SYARAT – SYARAT SEBUTHARGA**

1. PEMATUHAN ARAHAN / PERINTAH SEMASA KERAJAAN

Pihak kontraktor yang dilantik adalah terikat dengan peraturan / perintah / arahan semasa pihak Kerajaan yang sedang berkuatkuasa di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

1.1 Pihak kontraktor dikehendaki mematuhi setiap SOP (Standard Operating Procedure) – pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh pihak CIDB, MKN, KKM dan Agensi lain yang berkaitan.
1.2 Mematuhi undang – undang bertulis yang berkuatkuasa – Akta 520 dan Akta 342
1.3 Mematuhi peraturan – peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan
1.4 Pematuhan kepada apa – apa arahan dari semasa ke semasa ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

2. KOS PEMATUHAN ARAHAN / PERINTAH SEMASA KERAJAAN

Pihak kontraktor / penyebutharga yang menyertai tawaran sebutharga ini hendaklah pada mana – mana bahagian atau butiran kerja di dalam Borang Sebutharga / Senarai Kuantiti memasukkan harga bagi kos – kos yang terlibat bagi pematuhan arahan semasa Kerajaan berkaitan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Kos – kos bagi penyediaan alatan, kelengkapan, tenaga kerja, lain – lain kos terlibat dan sebagainya hendaklah diambil kira semasa menghargakan sebutharga ini.

3. PENILAIAN SEBUTHARGA

Dokumen sebutharga serta dokumen sokongan yang dikemukakan kepada pihak Majlis pada tarikh tutup sebutharga yang ditetapkan akan dibuat penilaian sebutharga. Sekiranya didapati terdapat pemalsuan dari segi dokumen sebutharga atau dokumen sokongan maka pihak Majlis tanpa budi bicara berhak untuk menolak tawaran sebutharga tersebut.

PERAKUAN PENYEBUTHARGA :

Saya dengan ini mengaku janji bahawa telah membaca dan memahami syarat – syarat dan arahan sebutharga yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebutharga ini.

..............................................

Nama Pemilik :
No. KP :
Jawatan :
Cop Syarikat :

Tarikh :